

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]

**TARIKH :** 9.4.2014

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk membuat kajian tentang sebab-sebab masalah kekurangan guru, terutama sekali di sekolah-Sekolah Rendah Cina, tidak dapat diatasi selepas begitu banyak tahun, lalu membuat perancangan 5 tahun untuk mengatasinya sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seramai 6,071 graduan Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) keluaran tahun 2013 yang telah lulus pengajian dan diperaku untuk dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga 1 April 2014 di sekolah rendah. Untuk makluman, daripada jumlah tersebut, sejumlah 1965 telah ditempatkan pada bulan Januari dan Februari, manakala 4106 ditempatkan pada 1 April 2014. Walau bagaimanapun, terdapat 74 graduan yang tidak ditawarkan penempatan kerana gagal temu duga dan tidak diperaku lantik tetap oleh SPP.

Statistik kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) secara keseluruhan di peringkat KPM berdasarkan data sehingga 17 Februari 2014

adalah seramai 849 orang guru. Walau bagaimanapun, kekosongan jawatan ini ditampung dengan pelantikan Guru Interim Tambahan di semua negeri terlibat untuk tempoh mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Masalah kekurangan guru di SJKC berlaku di atas faktor syarat tambahan yang ditetapkan oleh Kesatuan Lembaga Pengelola Sekolah iaitu guru-guru yang ditempatkan ke SJKC mesti lulus Bahasa Cina pada peringkat SPM untuk membenarkan mereka mengajar. Ditambah lagi dengan kurangnya minat lulusan tersebut untuk menceburi bidang perguruan.

Namun, KPM sentiasa melaksanakan pelbagai langkah untuk mengatasi masalah tersebut, antaranya dengan melaksanakan promosi ke seluruh negara dan melaksanakan temuduga secara terbuka (*walk inn interview*) bagi membolehkan lebih ramai calon untuk ditawarkan mengisi kekosongan calon guru. Di samping itu, KPM juga menawarkan laluan kerjaya yang lebih menarik dalam bidang perguruan seperti laluan kenaikan pangkat.